

28 petinju terbaik dalam, luar negara bertarung di Stadium Titiwangsa

SERAMAI 28 petinju terbaik dalam dan luar negara termasuk dua regu kanak-kanak serta satu regu wanita akan bertarung merebut gelaran 'King of The Ring' Kejohanan JWP-DBKL Kuda Merah Muaythai Challenge 2024 pada Sabtu dan Ahad ini.

Kejohanan anjuran Kelab Muaythai Kuda Merah Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan itu berlangsung di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Presidennya, Rosli Yaacob berkata, kejohanan kali ke-73 ini merupakan edisi naik taraf dari

segi penyertaan yang melibatkan petinju kanak-kanak, wanita, remaja dan senior.

"Saya memilih petinju yang memiliki kekuatan seimbang 50-50, tidak ada berat sebelah dan saya sangat berpuas hati dengan barisan petinju yang akan bertarung pada Sabtu dan Ahad ini.

"Pada kejohanan sebelum ini terdapat satu dua regu yang saya kurang berpuas apabila berlaku penggantian saat-saat akhir setelah petinju sebenar mengalami kecederaan.

"Saya mahu buktikan bahawa ini adalah kejohanan terbaik jika dibandingkan dengan sebelum ini.

"Paling penting penonton yang datang berpuas hati dan

FOTO: ROSLI TALIB



balik dengan senyuman," katanya pada sidang akhbar di Kompleks Kumpulan Karang kraf, Shah Alam pada Isnin.

Hadir sama Penasihat Bersama Kumpulan Karang kraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah yang juga Penasihat Media

Kelab Muay Thai Kuda Merah. Sebagai rekod, akhbar *Sinar Harian* merupakan media rasmi kejohanan.

Barisan belakang, lima dari kiri, Rosli dan Muhammad Nasir (barisan belakang, empat dari kanan) selepas sidang akhbar di Kompleks Kumpulan Karang kraf, Shah Alam pada Isnin.